



Penulis:
ARIF MANDANGAN

Kem Matematik Perdana 2014

Bersempena sambutan ulangtahun ke-20 Universiti Malaysia Sabah, Kem Matematik Perdana 2014 telah diadakan di Kampus Induk UMS bertempat di Tasik Fakulti Sains dan Sumber Alam, Kompleks S&T pada 19-21 September 2014. Kem ini turut mendapat kerjasama erat dari beberapa rakan kerjasama strategik, antaranya Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSS), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Kinabalu, Angkatan Belia Islam Sabah (ABIM) dan Jabatan Belia dan Sukan (P) Negeri Sabah (JBS). Seramai 300 orang pelajar-pelajar tingkatan 4 dari sekolah-sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu telah terpilih mengikuti kem ini. Objektif utama yang ingin dicapai melalui penganjuran Kem Matematik Perdana adalah untuk mencetuskan minat serta kesungguhan para peserta dalam mempelajari ilmu Matematik di samping mengubah persepsi negatif para peserta terhadap ilmu Matematik yang selama ini diganggap sebagai subjek sukar di sekolah. Untuk itu, pelbagai aktiviti menarik yang berbentuk aplikasi ilmu Matematik dalam kehidupan seharian menjadi pengisian kem tersebut. Selain ceramah motivasi, taklimat pengenalan kepada Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS dan Fakulti Sains dan Sumber Alam turut diadakan. Majlis Penutupan Kem Matematik Perdana telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Ag. Damit Ag. Anak, Timbalan Setiausaha KBSS mewakili YBhg. Datuk Haji Tawfiq Datuk Haji Abu Bakar Titingan, Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah. Secara keseluruhannya, Kem Matematik Perdana 2014 telah berjaya mengangkat imej UMS selaku peneraju pendidikan tinggi di Negeri Sabah kerana khidmat kemasyarakatan seperti ini mendapat maklum balas yang sangat positif bukan sahaja dari ibu bapa para peserta, bahkan masyarakat setempat yang turut terkesan dengan penganjuran kem ini.

